



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

**Pemeriksaan bersepadu bulanan JPES dan Unit SDT mementingkan
kepatuhan peniaga terhadap Akta Kawalan Harga, Penggal 142
dan Akta Sukatan dan Timbangan 1983, Penggal 151**

Tarikh: 1 Ogos 2023

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna bersama Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) di Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengadakan pemeriksaan bersepadu bulanan pada hari Sabtu, 29hb Julai 2023 di premis-premis perniagaan di Pekan Muara, Mukim Serasa, Daerah Brunei Muara.
2. Pemeriksaan bersepadu bulanan ini bertujuan bagi (i) memastikan alat sukat dan timbang yang digunakan untuk perdagangan adalah sah, tepat dan berdaftar sepertimana menurut Akta Sukatan dan Timbangan 1983, Penggal 151 dan (ii) memastikan para peniaga tidak menjual barangan dikawal harga melebihi harga yang ditetapkan dan barangan yang dijual dipaparkan tanda harga yang jelas berdasarkan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 bagi memelihara kebajikan para pengguna di Negara ini.
3. Hasil daripada pemeriksaan tersebut JPES telah mengeluarkan lima (5) Notis Amaran kepada empat (4) buah premis perniagaan atas kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 iaitu tidak mempamerkan tanda harga bagi sebahagian barangan yang dijual di dalam premis perniagaan dan menjual minyak masak melebihi harga maksimum yang ditetapkan. Manakala, Unit SDT telah mendapati sebanyak sembilan (9) unit alat sukat dan timbang yang digunakan dalam aktiviti jual beli. Kesemua alat-alat berkenaan adalah mematuhi Akta Sukatan dan Timbangan 1983, Penggal 151 dan Peraturan-Peraturan (Penelitian) Alat-Alat Sukatan dan Timbangan, 1994.

4. JPES mengingatkan para peniaga untuk sentiasa menjalankan perniagaan secara beretika dan tidak menggelirukan pengguna dengan sentiasa mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Kegagalan dalam mematuhi Akta berkenaan boleh dikenakan kompaun tidak memelbihi \$1,000 dan bagi kesalahan berulang akan dikenakan denda maksimum sebanyak \$20,000 dan penjara selama 5 tahun.
5. Para peniaga juga disarankan untuk memastikan alat sukat dan timbang yang digunakan dalam aktiviti perniagaan yang melibatkan bacaan tanda berat, isipadu, ukur panjang dan lebar, alat-alat tersebut adalah mematuhi akta dan peraturan sukatan dan timbangan iaitu mempunyai pelekat pendaftaran dengan tempoh penggunaan yang sah yang dikeluarkan oleh Unit SDT. Para peniaga juga telah diarahkan dengan serta merta untuk meletakkan atau mempamerkan tanda berat bersih ke atas barang-barang berbungkus selaras dengan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151, Ceraian 9.
6. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi JPES melalui Talian Darussalam 123 atau aplikasi PenggunaBijak, dan Unit SDT melalui e-mel sdt@mofe.gov.bn atau melalui talian 233 4092.

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi